

CNS7165

R GB 11-07 00179 BA107..

aab

KEMERDEKAAN NEGARA TERANCAM

Mahathir - Negara

KOTA TINGGI, 11 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 'hari ini berkata Malaysia sekarang berdepan dengan ancaman kepada kemerdekaan negara kerana perbuatan sebilangan rakyat yang tidak bertanggungjawab.

Perdana Menteri berkata, terdapat kalangan rakyat negara ini sendiri yang ke luar negeri dan meminta rakyat asing menekankan pendapat mereka (rakyat asing) ke atas negara ini.

+Keadaan sedemikian akan menjadikan kita mengalami **banyak** tekanan yang akan membawa kepada kerugian,+ katanya semasa merasmikan skim perumahan Ladang Tunjuk Laut milik PXENJ, dekat sini.

Dr Mahathir menegaskan bahawa pendapat orang'asing tidak akan secocok dengan pendapat rakyat negara ini kerana mereka mengutamakan **kepentingan** mereka, bukannya kepentingan negara ini.

Beliau berkata kerajaan boleh mempertahankan negara jika sekadar negara asing sahaja yang mengeluarkan pendapat mengenai Malaysia kerana itu' sekadar pendapat mereka.

+Tapi bila rakyat sendiri pergi kepada mereka dan meminta supaya mereka (rakyat asing) menekankan pendapat mereka (rakyat asing) ke **atas kita**, maka kita akan alami **banyak** tekanan yang membawa kepada kerugian,+ katanya. -- Lagi

▼11/07/16-11MST

CNS7176

U GB 11-07 00156 BA110

aab

Mahathir - Negara 2 Xota Tinggi

Dr Mahathir menambah kata bahawa kerajaan masih **berkemampuan** mempertahankan kedaulatan negara sekalipun pada masa ini ada negara asing yang kuat yang berpendapat mereka mempunyai hak **untuk campur tangan** dalam rumah tangga negara ini kerana itu sekadar pendapat mereka.

+ ... kita percaya sebagai sebuah negara bebas dan merdeka.. kita berhak mentadbirkan negara ini mengikut 'kehendak rakyat,+ kata beliau.

Umpamanya, kata beliau, ada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang **ke** luar negeri meminta supaya negara asing menentukan dasar-dasar dalam negara ini yang pastinya dasar-dasar itu akan merugikan rakyat negara ini.

Oleh itu, Dr Mahathir mengingatkan rakyat supaya **lebih berhati-hati** dengan orang-orang yang terbabit yang disifatkannya sanggup diperalatkan oleh orang asing.

+Ada orang yang gagal mendapat sokongan'daripada rakyat di negara ini berpendapat bahawa mereka akan dapat **merebut kuasa** dalam negara kita kalau menjadi alat kepada negara asing,+kata beliau. -- Lagi

▼11/07/16-31MST

CNS7188

UGB 11-07 00162 BA114

aab

Mahathir - Negara 3 Kota Tinggi

Perdana Menteri bagaimanapun berkata kerajaan boleh mempertahankan kedudukan dan kemerdekaan kerana negara mempunyai kelebihan sendiri iaitu pembangunan negara ini dicapai tanpa bantuan asing.

Oleh itu negara asing tiada cara untuk menekan negara ini kerana negara tidak terlalu banyak berhutang kepada negara asing dan yang lebih penting negara tidak meminta bantuan percuma dari orang asing serta tidak meminta-minta daripada kuasa-kuasa yang mungkin menekan negara ini.

Jadi negara asing tidak berpeluang untuk menekan negara ini k a t a beliau sambil menegaskan bahawa pembangunan merupakan alat yang paling berkesan dan penting untuk memelihara kemerdekaan negara.

+Jangan fikir bahawa setelah capai merdeka, selama-lamanya kita akan merdeka kerana banyak negara yang merdeka tetapi sebenarnya berada dibawah telunjuk orang asing,+katanya.

Keadaan Malaysia yang tidak bergantung kepada mana-mana pihak sekarang perlu dipertahankan kerana ia memberi kebebasan kepada negara untuk bercakap secara lantang dan tidak perit tunduk kepada sesiapa,+ katanya. -- Lagi.

▼11/07/16-58MST

CNS7190

U GB 11-07 00086 BA115

aab

Mahathir - Negara '4 (Akhir) Kota Tinggi

Skim perumahan pekerja Ladang sawit Tunjuk Laut merupakan projek perintis PKENJ dalam usahanya menyediakan rumah pekerja yang lengkap dengan infrastruktur di semua 35 buah ladang sawit dan getah milik PKENJ.

Sebagai permulaan, sebanyak 51 buah rumah yang setiap unit mempunyai tiga bilik disediakan di ladang tersebut. Unit-unit itu akan menjadi milik pekerja yang tinggal di situ, setelah sekurang-kurangnya 10 tahun bekerja diladang itu serta beberapa syarat lain. -- Bernama

▼11/07/16-59MST